

23 Januari 2009 (Jumaat)

Sabah & Sarawak: Ubah nasib sertai program nelayan transformasi

Oleh Hassan Omar bhnews@bharian.com.my

KOTA KINABALU: Dua kumpulan nelayan pinggir pantai di Papar dan Sipitang bertindak berani untuk mengubah nasib daripada dibelenggu kemiskinan dengan menyertai program nelayan transformasi anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), di sini semalam. Setiap kumpulan berkenaan yang dianggotai antara empat hingga lima nelayan pinggir pantai sanggup mengambil risiko membuat pinjaman RM350,000 daripada LKIM untuk memiliki bot lebih besar dan keluar menangkap ikan secara berkumpulan bagi memperoleh pendapatan lebih tinggi berbanding sedia ada. Untuk tujuan itu, ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Papar dan PNK Teluk Padas di Sipitang, masing-masing membentuk Syarikat al-Amin Fishery Enterprise (Syarikat al-Amin) dan Syarikat Tunas Harapan RS2 (Tunas Harapan).

Syarikat al-Amin diketuai Abdul Latip Mohd Noor manakala Tunas Harapan diketuai Raffee Mel Salleh. Mereka dan kumpulan masing-masing menandatangani perjanjian dengan LKIM di Ibu Pejabat LKIM, Sembulan, di sini. Mereka adalah kumpulan nelayan transformasi perintis di Sabah. Selain kedua-dua syarikat itu, ada 14 lagi kumpulan nelayan transformasi di negeri ini yang bakal menandatangani perjanjian seumpama itu dengan LKIM, tahun ini. Mengikut perjanjian itu, setiap syarikat berkenaan memperoleh pinjaman RM350,000 untuk membeli bot dan peralatan penangkapan ikan daripada Majuikan Sdn Bhd (Majuikan), iaitu anak syarikat milik penuh LKIM,.

Bot berkenaan dibina Majuikan Engineering & Maritime Services Sdn Bhd (MEMS), iaitu anak syarikat milik penuh Majuikan yang berpangkalan di Kuantan. MEMS membina bot sepanjang 18.4 meter yang dilengkapi enjin 200 kuasa kuda serta membekalkan peralatan penangkapan ikan kepada kedua-dua syarikat berkenaan. Bot itu dijangka diserahkan kepada syarikat berkenaan menjelang Jun depan. Syarikat berkenaan dikenakan kadar faedah dua peratus bagi pinjaman itu. Pada majlis itu, kumpulan nelayan terbabit turut berdialog dengan Pengurus Besar Majuikan, Wan Adnan Wan Ibrahim dan Pengurus Operasi MEMS, Nornazifah Saad untuk membincangkan spesifikasi bot yang diperlukan mereka.

23 Januari 2009 (Jumaat)

Rencana - Teknologi, penyelidikan air agenda utama kemajuan

Oleh Dr Zaini Ujang zaini@utm.my

Kajian mendalam wujud pengurusan lebih cekap demi keselesaan persekitaran masyarakat setempat

AIR adalah agenda semakin penting, khususnya di negara membangun. Hal ini lebih kritikal di negara padang pasir dan kawasan taburan hujan tahunan kurang 500 milimeter (mm). Sehubungan itu, salah satu ketetapan Sidang Kemuncak Ekonomi di Kuwait yang berakhir 20 Januari lalu meletakkan sumber air sebagai keutamaan pembangunan di kalangan negara membangun. Kepentingan sumber air ini begitu dirasakan selepas berakhirnya pencerobohan Israel terhadap wilayah Gaza. Siri pengeboman Israel itu bukan saja memusnahkan kemudahan prasarana seperti bekalan air, elektrik, jalan raya dan bangunan, malah menyebabkan kemusnahan sistem dan sumber air. Pemulihan bekalan air adalah antara keutamaan dalam pakej bantuan AS\$1 bilion oleh Raja Abdullah dari Arab Saudi.

Menyedari kepentingan sumber dan teknologi air, maka banyak pihak sudah merangka dasar dan instrumen untuk memastikan bekalan air dan pengurusan air sisa dilakukan dengan lebih berkesan dan murah. Bank Pembangunan Islam (IDB) misalnya menyediakan pelbagai pakej berkaitan penyediaan bekalan air secara lestari. Malah, Naib Presiden (operasi) IDB yang baru dua minggu dilantik, Dr Birama Sidibe, adalah pakar dalam pembangunan sumber air. Inisiatif sama dilakukan di Arab Saudi. Pada 18 Januari lalu, Kursi Penyelidikan Air dilancarkan di Universiti King Saud, Riyadh. Kursi itu ditaja Putera Khalid bin Sultan dan disandang oleh Profesor Fakhurul Razi Ahmadun, rakyat Malaysia. Saya diberi penghormatan menjadi Penasihat Kursi Putera Khalid, selain Dr Bahman Skeikh dari California, Amerika Syarikat dan Gerhard Schories dari Bemerhaven, Jerman.

Kedua-dua pelantikan warga Malaysia ini menunjukkan penghormatan terhadap Malaysia oleh Kerajaan Arab Saudi, sekali gus memberi keyakinan bahawa program penyelidikan dan pembangunan dalam bidang teknologi dan sumber air di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mendapat dokongan antarabangsa. Teras kepada program penyelidikan Kursi Putera Khalid ialah guna semula air. Selama ini, di Arab Saudi dan negara Asia Barat, air diperolehi daripada sumber bawah tanah dan penyulingan air laut. Di Arab Saudi, lebih 70 peratus air bawah tanah yang berkualiti tinggi digunakan untuk sektor pertanian. Sementara itu, program guna semula air sisa terawat sudah dimulakan untuk tujuan pengairan pertanian dan landskap. Dianggarkan peruntukan lebih 23 bilion riyal diperlukan. Namun demikian, masih banyak isu dasar dan teknikal belum terjawab, misalnya teknologi rawatan dan risiko kesihatan awam dalam konteks Asia Barat. Malah penggunaan air terawat walaupun untuk tujuan pengairan landskap masih dianggap dengan penuh kesangsian dari sudut hukum fekah dan tanggapan 'air najis'.

Peranan Kursi Putera Khalid tidak terhad kepada kepentingan Asia Barat. Negara lain, termasuk Malaysia juga akan mendapat manfaatnya. Apatah lagi dua daripada lima tonggakunya adalah warga Malaysia. Manfaat itu termasuklah dari segi penyediaan data saintifik dan pembangunan teknologi. Sebagai kursi akademik, maka tumpuan adalah pengajian peringkat ijazah PhD dan penajaan Harta Intelek yang akan dilaksanakan menerusi program kerjasama akademik dengan pelbagai universiti di serata dunia.

Hemat saya bahawa kesedaran saintifik semakin bercambah di kalangan negara Islam, termasuk keluarga diraja, untuk memberi sumbangan kepada pelestarian pengurusan air secara lebih menyeluruh. Selain isu kesihatan dan pendidikan, sumber air menjadi keutamaan dalam penyediaan geran atau sumbangan peribadi. Menurut maklumat saya, Kursi Putera Khalid adalah satu-satunya kursi profesor di kalangan negara membangun dalam bidang teknologi dan sumber air. Kursi khusus dalam bidang pengurusan air juga, menurut satu sumber, akan ditaja seorang hartawan di sebuah lagi universiti awam di Arab Saudi. Saya menyambut baik perkembangan ini dan berharap Kerajaan Malaysia juga memberi tumpuan lebih kepada pembangunan kepakaran dan teknologi dalam bidang sains dan kejuruteraan air, khususnya pada peringkat pengajian tinggi. Biarpun kita mempunyai kepakaran tetapi masih belum digembleng secara pakej yang sistematik dan futuristik.

UTM pernah mencadangkan supaya teknologi air dijadikan salah satu sektor strategik dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Malah, Persatuan Air Malaysia, iaitu pertubuhan profesional utama dalam industri air juga sudah menghantar memorandum supaya teknologi air diberi keutamaan dari segi penyelidikan, pembangunan dan komersial. Namun demikian, cadangan itu mungkin masih dalam kajian. Diharap hal ini menjadi realiti dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Pada hemat saya, ada tiga isu yang akan menjadikan teknologi air lebih penting berbanding teknologi maklumat atau sumber tenaga. Pertama, pencemaran alam sekitar semakin berleluasa sehingga menjejaskan sumber air. Ini disebabkan ketidakupayaan ekosistem menyerap tompokan dan menampung curahan bahan cemar secara tabii. Air sisa yang terhasil daripada aktiviti perumahan, perniagaan dan perindustrian memerlukan teknologi rawatan air canggih. Kedua, hukum ekonomi mengenai permintaan dan bekalan perlu diguna pakai. Dengan kata lain, industri perkhidmatan air perlu dikembangkan mengikut keperluan pasaran. Monopoli dan imej 'perkhidmatan awam' yang tidak berkesan perlu ditransformasi menjadikan sektor perkhidmatan air dinamik dan berdaya saing.

Itulah rasional penggubalan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang memerlukan semua agensi awam bekalan air peringkat negeri dikorporatkan. Kita berharap industri air akan menjadi kompetitif seperti industri komunikasi, khususnya telefon bimbit ketika ini. Kos semakin murah dan pilihan berganda. Ketiga, teknologi air bergantung kepada latar budaya dan ekosistem setempat. Teknologi guna semula yang diguna di Singapura tidak boleh diserap seadanya di Arab Saudi disebabkan faktor geografi, sosiobudaya, tahap keupayaan teknikal dan motivasi. Sebagai contoh motivasi pembangunan teknologi NEWater di Singapura ialah penjimatan tenaga dan kos operasi. Hal ini tidak praktikal di Arab Saudi dan kebanyakan negara pengeluar minyak Asia Barat kerana bekalan air dan rawatan air sisa disubsidi lebih 70 peratus. Oleh itu, kajian mendalam perlu dilakukan bukan saja untuk menghasilkan teknologi yang cekap bahkan sesuai dengan persekitaran masyarakat setempat.

Prof Datuk Dr Zaini Ujang ialah Naib Canselor, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

23 Januari 2009 (Jumaat)

KL, Jakarta jalin kerjasama industri perikanan

Daripada Zainab Mohd Yatim di Indonesia bhnews@bharian.com.my

JAKARTA: Malaysia dan Indonesia akan menjalin hubungan dalam industri perikanan melalui memorandum persefahaman (MoU) yang akan dimeterai Mei ini. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed, berkata MoU itu akan merangkumi usaha membina kapasiti, pembangunan modal insan, akuakultur dan aspek pemasaran hasil laut. Katanya, mesyuarat teknikal pada peringkat Ketua Pengarah dari kedua-dua negara akan diadakan Mac ini bagi menyediakan maklumat terperinci bagi dokumen yang akan dimeterai kelak.

"Bidang perikanan semakin mendapat perhatian berikutan sumber perikanan yang semakin pupus khususnya dari sudut persekitaran. "Diharap usaha sama yang akan dijalin dengan pihak Indonesia dapat dimuktamadkan secepat mungkin sekurang-kurangnya sebelum Persidangan Laut Samudera Sedunia (World Ocean Conference) di Manado, Sulawesi Utara. "Malaysia memerlukan kepakaran Indonesia yang sudah maju dalam bidang akuakultur ini, malah negara ini mengeksport sejumlah AS1.5 bilion (RM5.25 bilion) untuk hasil ini saja," katanya sambil menambah kerjasama yang akan dijalin sudah diusahakan sejak 2006 lagi.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas melakukan kunjungan hormat ke atas Menteri Kelautan dan Perikanan Indonesia, Laksamana Madya Freddy Numberi, di sini, semalam. Mustapa sedang dalam rangka lawatan kerja tujuh hari, dari 21 hingga 27 Januari ke Indonesia. Selain Jakarta, Mustapa dan delegasi akan melawat ke Lampung, Malang di Jawa Tengah dan Surabaya di Jawa Timur bagi meninjau projek-projek dalam industri pertanian Indonesia. Turut serta dalam delegasi terdiri daripada 12 pegawai kanan dari kementerian dan agensi berkaitan itu termasuk Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Junaidi Che Ayub; Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Abdul Aziz Jamaluddin dan Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Datuk Mustafa Ahmad.

26 Januari 2009 (Isnin)

Timur: 300 bimbang hasil projek padi gemilang terjejas

Oleh Mohamad Ishak bhkt@bharian.com.my

Bekalan air ke sawah tak dapat disalur dengan sempurna

JERTIH: Seramai 300 petani yang mengusahakan tanaman padi di kawasan Projek Padi Gemilang, Mukim Pelagat, dekat sini, bimbang tanaman mereka tidak akan mengeluarkan hasil yang disasarkan apabila bekalan air ke sawah terbabit tidak dapat disalurkan dengan sempurna.

Ini berikutan sistem perparitan yang mengalirkan air ke sawah tidak dapat berfungsi dan ketiadaan air menyebabkan sebahagian besar tanaman tidak subur akibat sawah kering kontang. Kawasan terbabit ialah Kampung Padang Luas Dalam, Padang Landak, Alur Selising, Gong Penaga, Air Terjun, Tok Has, Bukit Puteri, Denger dan beberapa kampung sekitarnya.

Projek tanaman padi dua kali setahun membabitkan kawasan seluas 1,500 hektar itu dijadikan Projek Tanaman Padi Gemilang anjuran Jabatan Pertanian Negeri dan ketika ini mendapat bekalan air dari Empangan Pelagat yang menyalurkan bekalan sejak 20 tahun lalu.

Ketua Tani di situ, Nor Anuar Daud, 56, berkata masalah ketiadaan bekalan air itu sudah lama dibangkitkan kepada pihak pengurusan empangan di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Besut. Bagaimanapun katanya, pihak terbabit didakwa gagal menyalurkan bekalan air ke kawasan projek menyebabkan petani kini mengharapkan sumber air hujan. Katanya, perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana kawasan berkenaan dijadikan projek contoh pengeluaran padi yang disasarkan kepada 10 tan metrik sehektar.

"Saya khuatir hasil pengeluaran padi pada musim ini yang dijangka dapat dituai pada akhir Mac depan tidak akan mencapai sasaran seperti ditetapkan kerajaan," katanya ketika ditemui semalam. "Keadaan sawah kini kering kontang dan sebahagian tanah sudah mula merekah akibat kekurangan sumber air sehingga menyebabkan tanaman tidak subur dan sukar mengeluarkan hasil," katanya.

Beliau berkata, petani juga sukar melakukan kerja membaja kerana ketiadaan air menyebabkan baja tidak mampu diserap oleh tanah dan ia terbiar di atas permukaan tanah yang kering. Beliau berkata, kawasan projek pertanian itu tidak dapat menerima bekalan air sejak dua bulan lalu dan bergantung kepada air hujan untuk disalurkan ke sawah. Nor Anuar berharap, pihak terbabit mengambil tindakan segera mengatasi masalah itu dengan menyalurkan air seberapa kerap bagi membantu menyubur tanaman.

27 Januari 2009 (Selasa)

Johor: Tapak terbakar dijadikan Pusat GiatMara

Oleh Johan Afandi johan@bharian.com.my

Penduduk minta kerajaan batal cadangan bina hotel bajet

JOHOR BAHRU: Kerajaan negeri perlu menghentikan terus cadangan pembinaan hotel bajet di Jalan Mata Kucing, Tampoi, di sini dan menggantikannya dengan projek yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat, seperti Pusat GiatMara. Ahli Parlimen Pulai, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata pihaknya sudah menghantar surat bantahan kepada kerajaan negeri berhubung cadangan pembinaan hotel bajet berkenaan selepas mendapat maklum balas

daripada penduduk setempat. Beliau yang juga Ketua Umno bahagian Pulai berkata, penduduk setempat mahu institusi latihan dibina di kawasan berkenaan seperti Pusat GiatMara kerana buat masa ini, tiada institusi sedemikian dalam kawasan pusat bandar raya ini. "Bagaimanapun, sehingga kini, kerajaan negeri masih gagal memberikan sebarang jawapan menyebabkan kawasan berkenaan terbiar dan dipenuhi lalang serta sisa binaan sehingga menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk setempat," katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan Mesyuarat Umno bahagian Pulai, di sini, semalam.

Akhbar sebelum ini pernah melaporkan perasaan bimbang penduduk Kampung Pasir berhubung cadangan pembinaan hotel bajet di Jalan Mata Kucing, yang dilihat tidak sesuai dan berkemungkinan menyebabkan timbul pelbagai masalah sosial. Pada asalnya, tanah seluas kira-kira setengah hektar yang dimiliki Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor itu mempunyai deretan rumah kedai dua tingkat, yang dibina sekitar 1980-an bagi membolehkan penduduk setempat menjalankan aktiviti perniagaan. Bagaimanapun, kebakaran berlaku empat tahun lalu menyebabkan terbengkalai sebelum dirobuhkan dan diganti dengan cadangan pembinaan hotel bajet melalui projek penswastan antara kerajaan negeri dengan sebuah syarikat.

Nur Jazlan berkata, mesyuarat Umno Pulai bersetuju supaya Pusat GiatMara dibina menggantikan hotel bajet berkenaan kerana ia dilihat lebih penting dan memberikan manfaat kepada penduduk setempat. "Sejak dulu lagi, kita mahu membina Pusat GiatMara dalam kawasan Parlimen Pulai untuk kemudahan latihan kepada belia. Tetapi, ketiadaan tanah dalam pusat bandar raya menyebabkan ia tidak menjadi kenyataan. "Kini, tanah sudah ada dan ia milik kerajaan negeri malah terletak di kawasan yang strategik bagi membangunkan Pusat GiatMara Pulai. Justeru, saya meminta pertimbangan dan jasa baik Menteri Besar untuk memberikan tanah ini bagi pembinaan institusi ini," katanya.

Beliau juga bersetuju untuk mengadakan rundingan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagi pembinaan Pusat GiatMara, jika kerajaan negeri bersetuju dengan cadangan berkenaan.

29 Januari 2009 (Khamis)

Sabah & Sarawak: Penduduk kesal pejabat pelajaran ditutup

TAMPARULI: Masyarakat di daerah ini menyifatkan penutupan Pejabat Pelajaran Tamparuli sebagai tidak wajar kerana mereka kerap berurusan dengan jabatan kerajaan itu berhubung hal persekolahan anak masing-masing. Berikutan itu, mereka berharap Jabatan Pelajaran Sabah dapat mempertimbangkan semula berkenaan demi kebaikan semua pihak. Mereka berpendapat Tamparuli memerlukan pejabat pelajaran sendiri untuk mentadbir sekolah di daerah itu, selain sebagai kemudahan penduduk berurusan apabila perlu. Difahamkan, pejabat yang kini beroperasi di Taman Wira Jaya, Tamparuli sejak lebih lima tahun lalu itu akan berpindah ke Pejabat Pelajaran Tuaran, bulan depan.

Pemimpin masyarakat, Ama Tokou, 60, berkata pejabat berkenaan adalah kemudahan penting ke arah memajukan pendidikan di daerah seperti Tamparuli yang pesat membangun. "Seharusnya, fungsi Pejabat Pelajaran Tamparuli diperluaskan dan bukan ditutup. Langkah itu bukan saja menyulitkan penduduk, malah seolah-olah memusnahkan harapan dan perkembangan bidang pendidikan. "Ketiadaan pejabat itu pasti menyukarkan penduduk setempat kerana terpaksa berurusan dengan Pejabat Pelajaran Tuaran," katanya kepada Berita Harian, di sini, kelmarin.

Tinjauan mendapati proses penutupan pejabat seperti memindahkan dokumen penting dan kemudahan lain berjalan sejak dua minggu lalu, tetapi usaha mendapatkan komen mengenai punca penutupannya gagal kerana pegawai serta kakitangannya enggan mengulas.

Pengerusi Persatuan Pencinta Alam Tuaran, Mohd Faiz Azman, turut terkilan dengan keputusan Jabatan Pelajaran Sabah itu. "Mengapa perlu ditutup kerana fungsi pejabat pelajaran penting untuk daerah seperti Tamparuli yang jauh dari daerah lain dan ibu negeri. Perkembangan ini bukan saja memeranjatkan semua pihak, malah menyedihkan kerana Tamparuli bakal kehilangan kemudahan yang sangat penting," katanya.

29 Januari 2009 (Khamis)

Sentral: Tangki air 6 tingkat dekat kabel elektrik berbahaya

PELABUHAN KLANG: Pembinaan tangki air setinggi enam tingkat di Kampung Idaman di sini menimbulkan keresahan kepada penduduk kerana jaraknya yang terlalu hampir dengan kabel elektrik bervoltan tinggi. Penduduk juga mendakwa tangki air itu dibina secara haram tetapi sehingga kini Majlis Perbandaran Klang (MPK) tidak mengambil tindakan susulan untuk menghentikan pembinaannya.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Klang, Nasarruddin Datuk M Zin, yang mewakili penduduk berkata siasatan yang dilakukan beberapa penduduk mendapati pembinaan tangki air itu tidak mendapat kelulusan MPK. Beliau berkata, MPK pernah mengeluarkan arahan supaya kerja pembinaan dihentikan tetapi arahan itu tidak dipatuhi manakala MPK pula tidak mengambil tindakan susulan. "Yang menghairankan kami, tiada papan tanda diletakkan sebagai pemberitahuan siapa pemilik tangki air ini dan siapa yang bertanggungjawab membinanya," katanya ketika mengetuai penduduk mengadakan perhimpunan membantah pembinaan tangki air itu di kampung berkenaan, kelmarin.

Nasarruddin berkata, jarak antara rumah dengan tangki air itu hanyalah 12 meter sekali gus mengundang bahaya jika berlaku kejadian tidak diingini seperti kebakaran, litar pintas dan runtuh ketika kerja pembinaan dijalankan.

Seorang penduduk, Ko Bee Tin, 66, mendesak MPK segera bertindak kerana rumahnya yang paling dekat dengan projek itu akan bergegar setiap kali kerja menanam cerucuk dijalankan. "Kami sekeluarga ketakutan jika tangki air runtuh atau rumah saya yang runtuh kerana setiap kali kerja menanam cerucuk dilakukan, rumah saya bergegar. "Saya nak buat aduan tetapi tak tahu kepada siapa dan hari ini saya merayu agar tangki ini dirobohkan sebelum terjadi apa-apa," katanya.

Hasnah Idris, 52, pula berkata mereka sekeluarga tidak tidur lena apabila melihat kerja pembinaan menggunakan kren kerana bimbang berlaku kejadian buruk jika kren itu terkena kabel elektrik dan menyebabkan litar pintas.

30 Januari 2009 (Jumaat)

Sentral: MPK arah henti projek tangki air

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail nazuri@bharian.com.my

Pemaju diarah kemuka pelan kemajuan binaan untuk semakan kelulusan

KLANG: Pemaju projek tangki air setinggi enam tingkat berhampiran Taman Pendamar Indah yang dibantah penduduk kerana terlalu hampir dengan rumah diarah menghentikan kerja pembinaan dengan serta-merta. Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Mohd Jaid Ehsan, berkata arahan itu susulan lawatan Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Bangunan MPK ke tapak pembinaan baru-baru ini yang mendapati pemaju gagal memohon pelan bangunan atau pelan kebenaran merancang. Sehubungan itu, katanya, pemaju diarahkan supaya mengemukakan pelan kemajuan dengan segera kepada MPK untuk semakan kelulusan dan tindakan akan dikenakan jika gagal berbuat demikian. Pembinaan tangki air yang dimulakan pada September tahun lalu dan sudah 80 peratus siap itu mendapat kelulusan MPK pada 2002 dan juga pengesahan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas).

Mohd Jaid berkata, tangki air itu dibina atas tapak seluas 0.2 hektar dan pemaju akan menyerahkan tangki itu kepada Syabas selepas siap, bertujuan memastikan bekalan air kepada penduduk di tiga kampung dan penempatan iaitu Kampung Idaman, Pendamar Indah dan Pandamaran tidak terjejas. Beliau bagaimanapun berkata, siasatan mendapati, pemaju mematuhi syarat yang ditetapkan termasuk binaan bangunan mengikut pelan dan mengutamakan aspek keselamatan. Katanya, jarak antara struktur bangunan dengan rumah penduduk juga selamat iaitu kira-kira 30 kaki atau 10 kaki dari lorong belakang rumah dan 20 kaki anjakan bangunan yang disediakan dalam tapak tangki air. Lawatan itu dibuat susulan bantahan penduduk taman berdekatan yang mendesak MPK menghentikan projek itu kerana bimbang dengan keselamatan berikutan kedudukan tangki air yang terlalu hampir dengan rumah.

Penduduk yang mengadakan bantahan secara aman Sabtu lalu membuat pelbagai dakwaan antaranya, rumah bergegar setiap kali kerja menanam cerucuk dan bimbang kejadian litar pintas kerana tangki air itu berdekatan kabel bervoltan tinggi. Selain tidak tahu siapa pemaju dan untuk siapa tangki itu dibina, penduduk turut mempertikaikan keputusan MPK meluluskan pembinaan tangki air itu yang bersebelahan dengan rumah penduduk.

30 Januari 2009 (Jumaat)

Sabah & Sarawak: Kontraktor didakwa bina projek PPRT sambil lewa

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah bhnews@bharian.com.my

Rumah tidak ikut spesifikasi, tak setanding kos RM40,000

KOTA KINABALU: Segelintir kontraktor di Sabah yang diberi tanggungjawab melaksanakan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) didapati tidak mematuhi keseluruhan spesifikasi pembinaan kediaman terbabit berdasarkan nilai RM40,000 yang ditentukan bagi setiap unit.

Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian negeri, Datuk Jainab Ahmad, berkata sikap itu menggambarkan sifat tamak mereka dan hanya memikirkan keuntungan tanpa mempedulikan aspek keselamatan serta risiko bakal ditanggung pembeli. "Kita faham mereka mahukan keuntungan, tetapi janganlah melampau hingga mempertaruhkan keselamatan mereka yang bakal mendiaminya.

"Saya ada meninjau rumah PPRT yang dibina tetapi sesetengahnya tidak setanding dengan kos RM40,000 yang ditetapkan. "Keadaan ini perlu diperbetulkan dan kontraktor mesti bersikap lebih bertanggungjawab, bukannya ambil mudah atau melakukan kerja sambil lewa asalkan siap," katanya di sini, kelmarin.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Karambunai, turut mengingatkan kontraktor supaya tidak membina rumah di lereng bukit untuk mengelak kejadian tidak diingini. Jainab berkata, ada kumpulan kontraktor dikatakan enggan mendapatkan maklum balas Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) sebelum memulakan projek perumahan.

Sebagai contoh, katanya, pembinaan kediaman PPRT di lereng bukit berhampiran Kampung Tebobon adalah antara yang dilihat kurang selamat dan boleh menjejaskan keselamatan bakal penghuninya.

"Kita tidak mahu perkara tidak diingini berlaku apabila rumah itu siap dan sudah diduduki kelak, terutama tanah runtuh akibat hujan lebat. "Sebagai wakil rakyat dan pemimpin, saya mahu perkara ini diberi perhatian serius kerana jika berlaku tragedi kelak, ramai yang saling menuding jari tetapi mangsanya adalah rakyat," katanya.

31 Januari 2009 (Sabtu)

Sabah & Sarawak: RM1.48b laksana projek pembangunan Sarawak

Oleh Micheal Sering bhnews@bharian.com.my

Kaedah IBS dapat maklum balas baik daripada kontraktor

KUCHING: Kementerian Kerjaraya sehingga Januari tahun ini sudah menggunakan lebih RM1.48 bilion atau 68 peratus daripada RM2.18 bilion peruntukan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) bagi melaksanakan projek pembangunan di negeri ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya, Datuk Yong Khoo Seng, berkata pihaknya yakin baki 32 peratus atau RM700 juta peruntukan terbabit akan digunakan sepenuhnya untuk lebih banyak lagi projek pembangunan kerajaan yang dirancang dalam RMK-9 untuk dua tahun lagi. "Projek pembangunan di negeri ini dalam RMK-9 sudah masuk tahun ketiga mulai tahun ini, tinggal dua tahun lagi bakinya dan kita sampai hari ini, sudah membelanjakan 68 peratus daripada RM2.18 bilion yang telah diperuntukkan kepada negeri ini," katanya kepada pemberita ketika mengadakan rumah terbuka Tahun Baru Cina, di rumahnya di Kenny Hill, di sini, semalam.

Yong yang juga selaku Pengerusi Pemantau Pelaksanaan Projek Kerajaan juga yakin semua projek pembangunan yang dilaksanakan melalui peruntukan RMK-9 itu akan disiapkan mengikut jadual berikutan tindakan segera diambil Kementerianannya bagi membantu pihak kontraktor yang bermasalah menyiapkan projek mengikut jadual ditetapkan. "Kalau projek lambat dilaksanakan atau menghadapi masalah, kita akan bermesyuarat setiap bulan supaya dapat mengatasi masalah terbabit dan memastikan kelancaran projek," katanya.

Antara masalah terbabit ialah harga bahan binaan yang tinggi di pasaran tempatan yang mana menteriannya memberikan tempoh tambahan tiga bulan kepada kontraktor yang menghadapi masalah melaksanakan projek mereka akibat masalah berkenaan. "Minggu lepas kita juga mengadakan perjumpaan dengan pihak kontraktor tempatan untuk menerangkan kepada mereka kaedah menuntut Perubahan Harga (VOP) projek dan kaedah menggunakan Sistem Bangunan Industri (IBS) bagi menjimatkan masa dan penggunaan buruh asing serta mempercepatkan pelaksanaan projek," katanya.

Beliau berkata kontraktor tempatan memberikan maklum balas yang baik terhadap penggunaan sistem IBS yang lebih kepada kaedah pasang siap bahan binaan bangunan sebelum dihantar ke tapak pembinaan dan bakal menggunakan sistem terbabit di negeri ini juga. Yong berkata kerajaan mensasarkan supaya 70 peratus projek pembinaan bangunan di negara ini menggunakan sistem terbabit tahun ini bagi mengurangkan pergantungan kontraktor tempatan terhadap pekerja asing serta membantu negara menangani masalah kegawatan ekonomi.

31 Januari 2009 (Sabtu)

Ekonomi - Cadangan pembinaan LCCT di Labu mungkin dibatal

Kerajaan berasakan AirAsia tidak mampu raih dana mencukupi

CADANGAN projek pembinaan lapangan terbang tambang murah di Labu, Negeri Sembilan oleh AirAsia Bhd mungkin tidak akan menjadi kenyataan. Sumber berkata, ini berikutan hasil mesyuarat yang dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat; dan Ketua Eksekutif AirAsia, Datuk Seri Tony Fernandes, semalam.

Mesyuarat yang berlangsung hampir sejam itu turut dihadiri wakil Malaysia Air-ports Holdings Bhd (MAHB) dan pegawai kanan Kementerian Pengangkutan, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. "MAHB akan membina sebuah Terminal Tambang Murah (LCCT) baru berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, tetapi ia harus bekerjasama rapat dengan AirAsia," kata sumber itu. "Input daripada syarikat itu (AirAsia) bagi pembinaan terminal udara baru perlu diberi pertimbangan sewajarnya," katanya.

Sumber itu juga berkata, kerajaan merasakan AirAsia tidak mampu untuk meraih dana mencukupi bagi membina lapangan terbang yang dicadangkannya di Labu itu. Bagaimanapun, katanya, keputusan rasmi mengenai perkara itu dijangka hanya akan diumumkan kemudian, kemungkinan selepas mesyuarat Kabinet minggu depan. Sumber itu berkata, Air-Asia diberikan tempoh dua minggu untuk menyenaraikan perkara dikehendakinya bagi pembinaan lapangan terbang tambang murah tetap yang akan dibina MAHB di KLIA. AirAsia akan mengadakan mesyuarat susulan dengan MAHB, manakala mesyuarat terakhir bakal diadakan dengan Najib dalam tempoh dua minggu, katanya. Antara isu yang akan dibincangkan AirAsia dengan MAHB adalah spesifikasi pembinaan LCCT yang baru serta caj perkhidmatan untuk penumpang. Sebelum ini dilaporkan bahawa pada 5 Januari lalu, Sime Darby Bhd telah mendapat kelulusan Kabinet untuk meneruskan cadangan pembinaan lapangan terbang di tanahnya di Labu atau dikenali sebagai KLIA-East yang terletak 22 kilometer dari KLIA. Bagaimanapun, baru-baru ini Najib dilaporkan berkata, kerajaan telah mengkaji semula keputusannya berhubung cadangan pembinaan lapangan terbang baru itu.

Kerajaan katanya, masih lagi mengkaji cadangan itu dan tidak ada keputusan rasmi dibuat setakat ini. Sementara itu, Tony ketika dihubungi bagi mengulas hasil mesyuarat berkenaan berkata: "Kami gembira dengan mesyuarat itu. Ia adalah langkah penting bagi kemajuan AirAsia. "AirAsia komited untuk menyediakan pelanggan perkhidmatan bertaraf lima bintang menerusi cadangan pembinaan LCCT itu. AirAsia juga komited untuk menjadikan Kuala Lumpur hab serantau bagi syarikat penerbangan tambang murah dan menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan ekonomi negara." – NST

4 Februari 2009 (Rabu)

Hilang pencen, pampasan jika sertai skim cepat kaya

KANGAR: Kakitangan awam yang dikenakan tindakan tatatertib termasuk dibuang kerja kerana menyertai skim cepat kaya akan hilang kelayakan untuk menerima pencen, kata Presiden Cuepacs, Omar Osman. Kakitangan terbabit bukan saja sekadar hilang kelayakan menerima pencen, tetapi turut dikecualikan daripada menerima sebarang bentuk pampasan daripada kerajaan akibat diberhentikan kerja.

Justeru, Omar menggesa semua 50,000 kakitangan awam yang dilaporkan terbabit skim itu supaya keluar daripadanya sebelum terlambat, kerana ia tidak menguntungkan sesiapa kecuali penganjuranya. "Skim cepat kaya tidak menjanjikan keuntungan, melainkan risiko kerugian akibat ditipu penganjur. "Cuepacs tidak mahu kakitangan awam yang menyertai skim seperti itu kehilangan pelbagai faedah yang sepatutnya mereka nikmati.

"Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 2/2009, yang melarang kakitangan awam terbabit skim cepat kaya, sekali gus membuktikan isu itu serius dan mereka yang terbabit bakal berdepan tindakan tegas," katanya di sini, semalam. Sebelum ini, Setiausaha Agung Cuepacs, Ahmad Shah Mohd Zin, mendedahkan lebih 50,000 kakitangan kerajaan daripada pelbagai peringkat termasuk ada ketua jabatan, terbabit dalam skim cepat kaya. Malah, lebih membimbangkan, ramai pegawai kanan dan ketua jabatan menggalakkan kakitangan mereka menyertai skim itu yang kononnya menjanjikan pulangan segera dan berlipat berganda bagi pelaburan kecil.

Justeru, satu Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 2/2009 ditandatangani Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam dikeluarkan bagi melarang semua peringkat kakitangan awam daripada terbabit dalam skim cepat kaya sama ada sebagai penganjur, pengantara atau pelabur. Pekeliling berkuat kuasa 13 Januari lalu itu turut mengarahkan mereka yang terbabit termasuk semua kakitangan badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan negeri supaya menghentikan aktiviti itu serta-merta atau berdepan tindakan disiplin kerana boleh memberi gambaran kepada orang ramai seolah-olah skim berkenaan diluluskan kerajaan.

Sementara itu, Omar berkata sehingga 31 Januari lalu, 99 peratus daripada 66,000 kakitangan awam di seluruh negara menerima opsyen skim pencen yang ditawarkan berbanding pilihan mencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum itu. "Walaupun ada satu peratus yang memilih untuk kekal pada skim caruman KWSP, ia dianggap memadai kerana ada antara mereka mempunyai suami atau isteri yang juga kakitangan kerajaan yang memilih skim pencen," katanya. Pengumuman pemberian opsyen menyertai skim pencen mulai 1 Januari lalu kepada kakitangan awam yang berada di bawah skim KWSP diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada November lalu.

4 Februari 2009 (Rabu)

Pinjaman tanpa faedah untuk kakitangan USM

Oleh Norakmah Mat Youb norakmah@bharian.com.my

GEORGETOWN: Universiti Sains Malaysia (USM) menjadi institusi pengajian tinggi pertama di negara ini memperkenalkan pinjaman tanpa faedah kepada kakitangannya melalui skim pinjaman mikro dikenali 'Mikro Pinj.' Melalui skim itu, kakitangan USM boleh meminjam wang tunai antara RM3,000 hingga RM5,000 seorang untuk menjalankan perniagaan dan dikehendaki melangsaikan pinjaman dalam tempoh dua tahun.

Naib Canselornya, Tan Sri Prof Dzulkifli Abdul Razak, berkata 'Mikro Pinj' diberikan kepada kakitangan universiti yang bercadang memulakan atau mengembangkan perniagaan. "Pinjaman ini hasil usaha USM bagi menjaga kebajikan kakitangan yang memerlukan pendapatan sampingan untuk menyara keluarga dan menampung keperluan harian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyerahkan cek Mikro Pinj kepada 10 penerima sulung di universiti itu di sini, semalam. Sebanyak RM37,500 diperuntukkan bagi fasa pertama.

Dzulkifli berkata, ia bukan sekadar pinjaman biasa, sebaliknya bantuan kewangan bagi membolehkan penerimanya menjana produktiviti mereka. "Dana ini diperolehi hasil sumbangan kakitangan USM. Sejak dilancarkan pada September tahun lalu, hampir RM100,000 dikumpul," katanya.

Beliau berkata, skim pinjaman itu dikelola sepenuhnya oleh Perunding Kewangan Mikro USM, Prof Sukor Kasim dan pemohon perlu melalui beberapa temu duga bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar berminat diberi pinjaman. "Kita berhasrat memperbesarkan lagi skim ini supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya warga USM yang memerlukan bantuan kewangan menjana pendapatan tambahan," katanya.

Dzulkifli berkata, USM berhasrat memiliki bank mikro sendiri yang dikendalikan sepenuhnya oleh universiti.

4 Februari 2009 (Rabu)

Segerakan kontrak kerja: PM

Oleh Johari Ibrahim joib@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan semua pembaharuan kontrak kerja di kementerian disegerakan bagi mengelak masalah kepada syarikat berkaitan pada waktu

kelembapan ekonomi sekarang, selain meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Perdana Menteri berkata, pegawai tidak wajar menunggu hingga saat akhir apabila sesuatu tempoh kontrak kerja tamat untuk membuka fail memperbaharunya atau sehingga pemilik syarikat terpaksa mengadu kepada pihak atasan termasuk beliau sendiri, Timbalan Perdana Menteri, menteri atau Ketua Setiausaha Negara.

Beliau berkata, pada ketika kelembapan ekonomi, sistem penyampaian perkhidmatan awam perlu ditingkatkan lagi, terutama dalam soal membuat keputusan. “Apabila sesuatu kontrak itu sudah tiba masanya untuk disambungkan, adalah menjadi harapan kepada syarikat yang mendapatnya supaya keputusan dibuat dengan cepat, jika lewat banyak masalah yang akan dihadapi. “Kerja (perlu) terus berjalan dan tidak bermakna apabila kontrak habis segala-galanya berhenti,” katanya pada perhimpunan bulanan kakitangan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dataran Perdana JPM, di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Beliau berkata, kakitangan kerajaan tidak wajar bersikap tidak apa sehingga berlaku kelewatan dalam melaksanakan tugas hanya kerana menganggap situasi ekonomi negara tidak seteruk dihadapi sesetengah negara lain. “Kerja berjalan dan pihak pegawai kata jangan bimbang teruskan kerja dan pembaharuan akan dilakukan sedikit masa lagi. “Tetapi ada juga kelewatan itu sampai sebulan, dua bulan dan tiga bulan pun ada, ini menimbulkan banyak kesusahan pada masa sekarang ini, waktu kita hadapi kesusahan yang berkaitan dengan situasi ekonomi dalam negara kita,” katanya.

Beliau berkata, pada masa ekonomi lembap, semua perhatian perlu ditumpukan kepada usaha untuk merancakkan ekonomi negara. “Perangsang (pakej rangsangan ekonomi) sudah diberi dan Datuk Seri Najib akan umumkan yang kedua... ertinya pihak kerajaan mahu supaya rancangan ekonomi kita tetap berada pada landasan yang boleh meneruskan kejayaannya,” katanya.

Abdullah berkata, kerajaan tidak berupaya menjangka kemungkinan yang tepat mengenai apa yang akan berlaku pada ketika ekonomi tidak menentu, tetapi boleh merancang termasuk menyediakan peruntukan untuk menghadapi cabaran itu. “Kita tidak boleh jangka dengan tepat apa yang berlaku, tetapi kita boleh bersedia buat apa juga untuk hadapi apa yang mungkin berlaku. “Kita boleh aturkan apa nak kita lakukan, kita pun boleh sediakan peruntukan, kita boleh bersedia hadapi kemungkinan, walaupun apa akan berlaku pada masa tertentu kita boleh agak dan andai saja,” katanya.